

TEKS UCAPAN ALUAN

**YBHG. DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD
JANOR
NAIB CANSELOR UiTM**

sempena

**MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)**

antara

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

dan

UDA HOLDINGS BERHAD

27 FEBRUARI 2023 | ISNIN | 3.30 PETANG

ARAS 7, BANGUNAN CANSELERI

UiTM

**Terima kasih saudara pengacara majlis;
Bismillahirrahmanirrahim,**

Yang Berbahagia.....

Serta para hadirin sekalian.

[SALUTASI: KEMASKINI BERDASARKAN KEHADIRAN]

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul di sini sempena **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dengan UDA Holdings Berhad.**

2. Selamat datang saya ucapkan kepada tetamu dan delegasi dari UDA Holdings Berhad ke UiTM pada hari ini. Ia merupakan satu penghormatan besar kepada kami bagi menyaksikan permulaan satu perkongsian yang amat penting antara universiti dan industri.

3. Setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM di bawah pimpinan Dekan, Profesor Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani, atas komitmen dalam melaksanakan kerjasama industri bersama UDA Holdings Berhad yang merupakan syarikat pemaju hartanah, pengurusan aset, fasiliti dan perhotelan terkemuka di negara ini.

Hadirin sekalian,

4. Sebagai universiti awam terbesar dan komprehensif di Malaysia, UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik dengan infrastruktur dan teknologi terkini melibatkan 34 kampus di seluruh negara.

5. Sebagai salah sebuah IPT, kami terus mengembangkan inisiatif kami dalam menyediakan pendidikan, khususnya kepada bumiputera bagi memperkukuh kurikulum dan pembangunan akademik.

6. Sehubungan itu, UiTM amat yakin perkongsian baharu ini akan mempertingkatkan lagi pemindahan ilmu untuk melahirkan graduan profesional yang berkualiti yang akan menyumbang bukan sahaja kepada kesejahteraan diri tetapi juga kepada agama dan masyarakat.

7. Sebagaimana kita maklum bahawa UDA Holdings Berhad adalah sebuah syarikat GLC terbesar untuk membantu ekonomi orang Melayu dan Bumiputera di Malaysia. Matlamat ini adalah sejajar dengan objektif penubuhan UiTM yang memfokuskan kepada bidang pendidikan.

Hadirin sekalian,

8. Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM yang juga lebih dikenali sebagai ACIS, bermula sebagai unit agama universiti sebelum berkembang sebagai pusat akademik. Pusat akademik itu kini menyediakan kursus terutamanya dalam Pengajian Islam untuk Pra-Diploma, manakala Muamalat atau Kewangan Islam dan Pengurusan Industri Halal pada peringkat Diploma dan Ijazah.

9. Pada masa yang sama, ACIS menawarkan Program Tahfiz Plus holistik bagi memberikan peluang kepada graduan pusat pengajian Tahfiz di Malaysia melanjutkan pelajaran dalam pelbagai profesion di UiTM. Program ini akan membantu rakan-rakan Huffaz al-Quran untuk mengekalkan,

meningkatkan, dan memelihara hafalan dan pemahaman al-Quran mereka melalui program yang sistematis.

10. Tidak dapat dinafikan, dengan terjalannya perjanjian persefahaman pada hari ini, kedua-dua pihak akan memperolehi peluang yang lebih besar dari pelbagai aspek pembangunan sama ada berkaitan pengajaran dan pembelajaran, mahupun perkongsian maklumat.

11. Pelbagai disiplin ilmu dan rentas disiplin yang berorientasikan bidang kontemporari mampu diterokai selaras dengan hala tuju ACIS. Saya yakin melalui kerjasama ini juga, lebih banyak penyelidikan dan inovasi dalam bidang kontemporari Islam khususnya dapat dilakukan.

12. Diakui bahawa, ACIS dan UDA Holdings Berhad sebelum ini telah banyak menjalankan kerjasama terutama dalam penganjuran seminar antarabangsa Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam. Begitu juga kerjasama dalam bidang penerbitan buku-buku ACIS yang mana pihak UDA Holdings Berhad sebagai

rakan strategik dan penaja utama. Tahniah juga UDA Holdings Berhad dan ACIS telah berjaya melaksanakan Bengkel Pembangunan Model Integrasi Zakat dalam Waqaf Komersial yang julung-julung kali diadakan di Malaysia dengan penglibatan semua Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan JAKIM.

13. Saya yakin melalui usahasama dalam pelbagai bidang kepakaran terutama dalam pembangunan hartanah waqaf yang dipelopori oleh UDA Holdings Behad di Malaysia dan ACIS UiTM dapat dimanfaatkan oleh semua rakyat di Malaysia terutamanya masyarakat Islam melalui pembangunan ekonomi berteraskan waqaf.

14. Justeru, kerjasama akademik-industri ini mampu membantu UiTM ke arah menjadi sebuah universiti terkemuka dunia yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, penyelidikan dan kemasyarakatan di peringkat tempatan dan antarabangsa selaras dengan Globally Marketable UiTM 2023.

15. Saya mengharapkan kerjasama ini dapat mengukuhkan kecemerlangan akademik dan penyelidikan kami melalui projek pendidikan inovatif yang akan memajukan lagi keilmuan dan pemahaman Islam untuk membantu menyelesaikan cabaran dan membina masa depan yang lebih mampan.

16. Sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada UDA Holdings Berhad di atas kesudian menjalinkan kerjasama dengan UiTM. Semoga melalui perjanjian seperti ini, kedua-dua pihak akan memperolehi manfaat melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

17. Akhir sekali, tahniah kepada ACIS atas usaha gigih dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.